



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN



Ruj. Kami : IPK.Sel.BPSM.500-
2/5/5/13Jld.10(52)

Tarikh: 17 Rajab 1441H
12 Mac 2020

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN A

YB Dato'/ YBhg.Dato'/ YAA Dato'/ SS. Dato' /YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELANTIKAN SEMULA PERKHIDMATAN KONTRAK - CONTRACT OF SERVICE (CoS) DAN CONTRACT FOR SERVICE (Cfs) DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Panel Pengurusan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 23 Januari 2020 telah bersetuju meluluskan pemakaian **Garis Panduan Pelaksanaan Pelantikan Semula Perkhidmatan Kontrak - Contract Of Service (Cos) dan Contract For Service (Cfs) di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.**

3. Dua perkara yang ditambah baik adalah melibatkan markah laporan penilaian prestasi tahunan (LNPT) bagi urusan pelantikan semula tempoh kontrak dan kemudahan kepada kakitangan kontrak.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YB Dato'/ YBhg.Dato'/ YAA Dato'/ SS. Dato' /YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dipohon untuk membuat pemantauan terhadap permohonan yang diterima agar mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan berkuat kuasa mulai 1 April 2020.

5. Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini, **Garis Panduan Pelaksanaan Pelantikan Semula Perkhidmatan Kontrak - Contract Of Service Penjawat Awam Negeri Selangor rujukan IPK.Sel.BPSM.500-2/5/5/4 Jld.3 bertarikh 10 Oktober 2013 adalah dibatalkan.**

E.O Noraini

*Senarai & makluman kepd
K/Kn sekiranya kontrak*

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

*cc(k) makluman wfr
2/12
Serina Haff
Selangor (K), Jaleh
mej.*

No. Telefon: SUB (PSM): 03-55447467, Caw. Perkhidmatan: 03-55447470, Caw. Latihan: 03-55447075, Caw. Pinjaman Pelajaran: 03-55447543
Caw. Pembangunan Organisasi: 03-55447972, Caw. Prestasi & Kualiti: 03-55447059 / 03-55212363, Caw. Kaunseling: 03-55212272, Unit Bina Insan: 03-55447515,
Unit Pentadbiran: 03-55447471, Kaunter: 03-55447964

No. Faks: 03-5514095 / 55135564 / 55447391 / 55110659 Laman Web: <http://selangor.gov.my>
NORHANIZA BIN FUSO
Penolong Pengarah (Peng. Sumber Manusia)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Istaitan Agama Islam Selangor

18/3/20

- 2 -

6. Bersama-sama ini dikemukakan **Garis Panduan Pelaksanaan Pelantikan Semula Perkhidmatan Kontrak - *Contract of Service (CoS)* dan *Contract for Service (CfS)*** di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor untuk tindakan YB Dato'/ YBhg.Dato'/ YAA Dato'/ SS. Dato' /YBr. Dr./ Tuan/ Puan selanjutnya.


Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato'/ YBhg.Dato'/ YAA Dato'/ SS. Dato' /YBr. Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MUHAMMAD YASIR BIN YAHYA S.M.S., K.M.N.)
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Edaran dalaman:

YB SUK

TSUK (P)

TSUK (M)

KPSU (O)

KPSU (D)

KPSU (W)



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELANTIKAN SEMULA
PERKHIDMATAN KONTRAK-*CONTRACT OF SERVICE* (CoS) DAN
CONTRACT FOR SERVICE (CfS)
DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan memaklumkan kepada semua pihak pengurusan jabatan/ agensi Kerajaan Negeri Selangor mengenai pelaksanaan dan penambahbaikan urusan pelantikan semula perkhidmatan secara kontrak-*Contract of Service* (CoS) dan *Contract for Service* (CfS) di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP 2/2008) telah menggariskan dasar dan prosedur pelantikan secara kontrak atau (CoS) yang seragam (termasuk urusan pelantikan semula dan penamatan perkhidmatan) dalam perkhidmatan awam yang meliputi Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

3. **'Pelantikan Semula'** bermaksud tawaran kontrak melalui satu perjanjian kontrak yang baru kepada seseorang pegawai di jawatan, gred dan perkhidmatan yang sama, yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang mana tarikh kuatkuasa kontrak yang baru itu dibuat dalam tempoh tidak melebihi enam bulan daripada tarikh tamat kontrak sebelumnya.

4. **'Pegawai'** bermaksud pegawai lantikan kontrak yang sedang berkhidmat dalam tempoh kontraknya.

5. **'Pihak Berkuasa Melantik'** bermaksud pihak berkuasa melantik bagi sesebuah agensi yang diberi kuasa untuk melantik seseorang berkhidmat dengannya. Ini termasuklah Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan yang diwakilkan kuasa oleh PBM.

6. Berdasarkan Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Bil.1/2009, Suruhanjaya di dalam Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Bil.7/2008 bertarikh 14 November 2008 telah memutuskan untuk mewakilkan kuasa pelantikan secara kontrak kakitangan di Negeri Selangor kepada tiga (3) Jabatan iaitu:

- a. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- b. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS); dan
- c. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).

7. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor adalah selaku PBM bagi urusan pelantikan secara *contract of service* (CoS) dan *contract for service* (CfS) jabatan/ agensi Perkhidmatan Awam Negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

8. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk menambah baik garis panduan ini agar selari dengan dasar dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

9. Dua perkara yang akan ditambah baik adalah melibatkan markah laporan penilaian prestasi tahunan (LNPT) bagi urusan pelantikan semula tempoh kontrak dan kemudahan kepada kakitangan kontrak.

PELANTIKAN SEMULA

10. Perakuan pelantikan semula perkhidmatan kontrak ke satu tempoh yang baru perlu dikemukakan selewat-lewatnya enam bulan daripada tarikh tamat perkhidmatan kontrak sedia ada.

11. Bagi kontrak *contract of service* (CoS), Borang Perakuan Pelantikan Semula Pegawai Kontrak (Lampiran H, PP2/2008) perlu dilengkapkan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Manakala bagi *contract for service* (CfS), memadai dengan surat permohonan pegawai dan dikemukakan bersama-sama dengan perakuan dan sokongan daripada ketua jabatan/ agensi.

12. Sekiranya terdapat pegawai yang hendak dilantik semula ke perkhidmatan kontrak bagi skim perkhidmatan yang sama tetapi tidak memenuhi syarat skim perkhidmatan tersebut, PBM boleh melantik kakitangan yang berkenaan secara *contract for service* (CfS) dengan bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan jabatan/ agensi tidak terjejas.

MARKAH LAPORAN PENILAIAN PRESTASI

13. Pertimbangan tempoh pelantikan semula seseorang pegawai akan mengambil kira aspek prestasi kerja yang diukur melalui pemarkahan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tahun terakhir perkhidmatan kontrak (*contract of service*) sedia ada dan Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK) perkhidmatan kontrak (*contract for service*).

14. Tempoh pelantikan semula pegawai lantikan secara CoS atau CfS adalah berdasarkan pada ketetapan seperti yang berikut:

Bil	Markah LNPT/ LNPK	Tempoh Pelantikan Semula
1.	95.00% dan ke atas	3 tahun
2.	90.00% sehingga 94.99%	2 tahun
3.	85.00% sehingga 89.99%	1 tahun
4.	Kurang daripada 85.00%	Tidak diluluskan

ELAUN DAN KEMUDAHAN

15. Kelayakan elaun dan kemudahan bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) adalah tertakluk sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian VI, Elaun dan Kemudahan, PP2/2008 dan hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 (SPP2/2016)-Penambahbaikan Kemudahan Bagi Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*) Dalam Perkhidmatan Awam.

16. Walau bagaimanapun, kadar maksimum cuti rehat yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan adalah terhad kepada lima (5) hari sahaja tertakluk kepada tempoh perkhidmatan kontrak pegawai.

17. Manakala, bagi pegawai lantikan *contract for service* (CfS) kemudahan adalah seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran pelantikan semula.

TANGGUNGJAWAB

18. Ketua Jabatan hendaklah memastikan urusan pelantikan semula kakitangan kontrak *contract of service* (CoS) dan *contract for service* (CfS) dilaksanakan secara teratur berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

PEMAKAIAN

19. Garis Panduan ini terpakai kepada semua Pihak Berkuasa Melantik Perkhidmatan Awam Negeri dan dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor tertakluk kepada penerimaan masing-masing.

PEMBATALAN

20. Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan ini, Garis Panduan Pelaksanaan Pelantikan Semula Perkhidmatan Kontrak (*Contract of Service*) Penjawat Awam Negeri Selangor rujukan IPK.Sel.BPSM.500-2/5/5/4Jld.3 bertarikh 10 Oktober 2013 adalah dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA

21. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2020**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menjalankan Amanah,



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

D.P.M.S, B.C.M., B.K.T., P.J.K.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh: 11 Mac 2020

